

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]**

TARIKH : 30.11.2015

SOALAN :

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah projek menaik taraf padang Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Mohd Yunos Sulaiman, Pontian dapat dilaksanakan oleh kerana padang tersebut berkeadaan mati, tidak selamat untuk aktiviti olahraga dan lain-lain sukan. Untuk makluman, inilah satu-satunya padang yang ada di Pekan Nanas yang mempunyai saiz yang menepati piawaian sukan bagi permainan seperti bola sepak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dan menjalankan usaha berterusan bagi memastikan semua program pembangunan sukan di sekolah yang melibatkan aktiviti 1Murid 1Sukan dan Sukan Untuk Kecemerlangan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Usaha ini termasuk memastikan kemudahan asas sukan di sekolah berada dalam keadaan kondusif dan selamat untuk digunakan. KPM telah melaksanakan beberapa projek naik taraf kemudahan padang dan prasarana sukan di sekolah berdasarkan keperluan mendesak serta mengikut keutamaan menggunakan peruntukan Rancangan Malaysia

Kesepuluh (RMKe-10) dan peruntukan Anggaran Belanja Mengurus (ABM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM bersedia untuk memberi pertimbangan sewajarnya terhadap permohonan menaik taraf padang SMK Dato' Mohd Yunos Sulaiman, Pekan Nenas, Pontian, Johor melalui peruntukan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) atau peruntukan ABM pada masa hadapan. Namun, perancangan tersebut tertakluk kepada kedudukan kewangan kerajaan.

RJM68